

Kreativiti Dalam Pengurusan Bahagian 2



Dr. Ali Qassem

www.aliqasseminternational.com

Kreativiti perlu diaplikasikan dalam pengurusan dan seluruh proses operasi dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti kepimpinan.

Dalam era persaingan ekonomi yang sengit, mana-mana jenis perniagaan harus mendahului yang lain dengan memiliki satu produk atau perkhidmatan yang tersendiri.

Walau bagaimanapun, perniagaan tidak akan sentiasa selamat dalam kedudukannya sebagai peneraju utama. Mana-mana kedudukan kepimpinan perniagaan yang berjangka hayat pendek, pihak pesaing boleh menyalin atau meniru gaya perniagaan mereka - kecuali manusia. Di samping itu juga, pasaran dan pengetahuan boleh diakses oleh semua pesaing. Oleh itu, penggunaan kreativiti dalam pengurusan adalah aspek yang penting dalam kejayaan perniagaan hari ini.

Kreativiti adalah sangat diperlukan dalam pengurusan moden. Untuk berjaya dalam dunia moden ini, organisasi harus aplikasikan kreativiti dalam pengurusan, kepimpinan, operasi harian, penghasilan produk, strategi pasaran dan kebanyakan perkara dalam urusan pengurusan.

Kreativiti dalam pengurusan adalah menghasilkan atau mengguna pakai semua jenis pengetahuan yang sedia ada untuk menghasilkan sesuatu yang bernilai, mengaut keuntungan dan mencapai pertumbuhan ekonomi.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi, seperti yang dikatakan oleh Peter Drucker, “Pertumbuhan ekonomi tidak lagi datang daripada dengan mengambil ramai pekerja untuk bekerja, atau daripada permintaan pelanggan yang lebih tinggi. Ia hanya boleh datang daripada peningkatan yang sangat tinggi dan berterusan dalam produktiviti satu sumber.” [Drucker, Peter. F, “*Management Challenges For the 21st Century*”, 1999]

Kreativiti dalam pengurusan juga merangkumi mengupah pekerja terbaik. Adalah tersangat mustahak untuk mengetahui apa yang terbaik yang perlu dilakukan untuk memuaskan hati pelanggan bagi mencapai kejayaan dalam organisasi. Kuncinya adalah organisasi mesti menempatkan pekerja di unit yang betul agar kemahiran dan bakat mereka dapat dimaksimakan untuk memberi tumpuan kepada prestasi unit tersebut.

Pengambilan pekerja yang bersesuaian adalah salah satu asas yang paling penting kejayaan organisasi masa depan. Dengan itu keputusan pengambilan pekerja adalah juga antara keputusan yang paling penting dan kritikal yang perlu dibuat oleh mana-mana pihak pengurusan organisasi.

Pekerja yang baik merupakan asas yang kukuh untuk prestasi yang lebih berkesan dan cekap. Itu merupakan salah satu aspek yang paling penting dalam kejayaan mana-mana organisasi.

Pengambilan pekerja yang bersesuaian dengan gaji yang lebih tinggi, akan memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam proses perniagaan. Paul Russell, Pengarah Kepimpinan dan Pembangunan di Google, berkata, “Pembangunan boleh membantu orang-orang yang hebat menjadi lebih hebat tetapi saya lebih sanggup membelanjakan wang yang besar dalam mendapatkan pekerja yang bersesuaian.”

Tanpa pekerja yang bersesuaian dan yang terbaik untuk sesuatu jawatan, sudah tentunya prestasi yang dicapai adalah tidak seberapa. Sumber yang ada masih tetap menjadi sumber dan tidak akan menjadi satu produk.

Kreativiti dalam pengurusan juga perlu diaplikasikan semasa mesyuarat dalam membuat kata putus tentang sesuatu perkara. Kemahiran mengendalikan mesyuarat untuk mendapatkan idea yang bernas, memotivasikan pekerja untuk mengambil tindakan berdasarkan idea yang disumbangkan dan implementasikan tindakan tersebut adalah aset kritikal dalam mana-mana kareer.

Kemahiran dan teknik pengurusan sebelum, semasa dan selepas mesyuarat adalah prioriti utama organisasi yang membawa kepada kejayaan. Jika tidak, ia merupakan satu pembaziran dari segi wang ringgit, tenaga dan masa.

Secara umumnya, mesyuarat mempunyai reputasi yang kurang baik di kebanyakan organisasi. Mesyuarat dikendalikan berjam-jam tetapi tidak ada kata putus yang dibuat. Jika ada kata putus pun tidak ada tindakan yang diambil.

Menurut kajian Dr. Robert B. Nelson (Director of Institutional Research in the University of Minnesota, United States), mesyuarat mengawal cara manusia mengurus organisasi dan urusan perniagaan. Di Amerika Syarikat sahaja, sebelas juta mesyuarat berlaku setiap hari.

Kebanyakan para profesional puratanya menghadiri 61.8 kali mesyuarat setiap bulan. Kajian tersebut telah menunjukkan 50% daripada mesyuarat tersebut adalah satu pembaziran masa. Andaikan setiap mesyuarat yang dihadiri mengambil masa selama satu jam, masa yang digunakan adalah 61 jam. 50% daripada 61 jam adalah 30.5 jam bersama dengan 4 hari bekerja. Memang tidak menghairankan jika mesyuarat mempunyai reputasi yang tidak baik.

[Robert B. Nelson and Peter Economy, Better Business Meetings, 1995]

Kebanyakan organisasi menetapkan mesyuarat utama untuk menyelesaikan masalah, menetapkan matlamat organisasi, dan menyediakan pelan strategik masa kini dan masa depan untuk meningkatkan keuntungan, dan perkembangan organisasi.

Dalam *Harvard Business Review*, Oktober, 2005, Robert S. Kaplan dan David P. Norton mengulas buku karya Chris Zook dan James Allen, "Profit from the Core" berkata, "Di antara tahun 1988 dan 1998, tujuh daripada lapan syarikat besar gagal untuk mencapai perkembangan yang menguntungkan."

Punca kegagalan ini adalah disebabkan penggunaan idea-idea yang lapuk, mempunyai persepsi yang sempit tentang permasalahan dan menafikan reality perniagaan, pelanggan serta pasaran.

Di samping itu juga, andaian yang dibina selama ini oleh organisasi sudah ketinggalan zaman digunapakai dalam dunia era baru.

Organisasi mesti menerima hakikat bahawa untuk mencapai objektif dan perkembangan yang pesat, pihak pengurusan perlu dengan seriusnya memikirkan semula pemahaman mereka tentang realiti hari ini, pasaran, pelanggan, pesaing, teknologi, kekuatan dan kelemahan yang ada. Dalam erti kata lain, organisasi perlu menggunakan kreativiti dalam pengurusan.

Bersambung.....